



ISLAM
&
KETAMADUNAN
MELAYU
KEMASYARAKATAN DAN
ISU SEMASA



Editor:
Mohd Roslan Mohd Nor
Khadher Ahmad

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Islam dan Ketamadunan Melayu: Kemasyarakatan dan Isu Semasa
Cetakan Pertama 2014

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

ISBN: 978-967-5534-40-9

Editor: Mohd Roslan Mohd Nor & Khadher Ahmad


Editor Bersama: Mohd Siful Anwar Nawawi, Mohd Zaidi Daud Muhammad Taquiuddin Mohamad, Nurhanani Romli & Asyiqin Ab Halim.

Buku ini disusun atur dengan menggunakan font *Time News Roman* dan *Calisto MT*.

Diterbitkan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur.
Emel: api_ppp@um.edu.my.
Tel: +603-79676012
Faks: +603-79676030

ISU-ISU DALAM PROGRAM SILENT MENTOR DI MILES, UNIVERSITI MALAYA: KAJIAN DARI PERSPEKTIF HUKUM ISLAM



Noor Naemah Abdul Rahman¹, Mohd Anuar Ramli², Shaikh Mohd Saifuddeen Shaikh Mohd Salleh³ & Mohammad Naqib Hamdan⁴

Abstrak: Perkembangan dunia perubatan kini menimbulkan keperluan terhadap ketetapan hukum Islam yang bersifat semasa. Ini kerana kebanyakan isu baharu timbul ini tiada petunjuk secara langsung dari al-Quran serta al-Sunnah dan ia merupakan rekayasa ijtihad ulama semasa. Sehubungan dengan itu, isu yang timbul dalam dunia perubatan perlu ditangani secara tuntas dan pantas, agar amalannya dapat diselarikan dengan ketetapan hukum Islam. Secara asasnya, amalan pendermaan jasad mayat telah dijalankan di MILES (Minimally Invasive Laparo-Endoscopic Sugery) Universiti Malaya melalui program Silent Mentor. Program ini dibangunkan bagi tujuan penyelidikan perubatan dalam bentuk religious-based cum humanity, berbanding bentuk non-religious-based cum secular yang diamalkan sebelum ini. Dalam program Silent Mentor, terdapat beberapa isu yang berbangkit, misalnya aurat mayat, penghormatan terhadap mayat bukan Islam, pembedahan mayat dan sebagainya. Namun, dalam isu ini, ia melibatkan jasad mayat orang bukan Islam yang didermakan serta penglibatan orang Islam dalam program Silent Mentor. Ini kerana Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-105 yang bersidang pada 3-5 Februari 2014 telah memutuskan hukum pendermaan jasad mayat Muslim adalah tidak dibenarkan melainkan dalam keadaan dharurah sahaja. Bagi mendapatkan data berkaitan, pengkaji telah mengadakan temu bual bersama pihak MILES dan dapatan tersebut dianalisis berdasarkan perspektif hukum Islam. Hasil kajian mendapati penglibatan orang Islam dalam program Silent Mentor diharuskan dengan meraikan syarat-syarat yang khusus.

Kata kunci: MILES; Silent Mentor; pendermaan jasad mayat; hukum Islam; dharurah; tasyabbuh

PENDAHULUAN

Perkembangan ilmu dalam disiplin sains dan teknologi hari ini menjadi semakin luas. Ia merentasi setiap aspek kehidupan manusia termasuklah dalam bidang perubatan. Dalam berhadapan dengan fenomena tersebut, hukum Islam sebagai panduan kehidupan yang bersifat syumul akan sentiasa progresif bagi menangani perkembangan ini. Selaras dengan itu, banyak isu dalam bidang perubatan yang telah

¹ Prof Madya Datin, Pensyarah (PhD), Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

² Pensyarah Kanan (PhD), Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

³ Pakar Rujuk (PhD), Program Pengajian Islam & Sains Gunaan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya

⁴ Pembantu Penyelidik, Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

menjadi subjek perbincangan fiqh. Antaranya isu penggunaan ubat dari sumber yang haram, pendermaan darah, penggunaan tisu babi, pendermaan organ, bayi tabung uji, pendermaan sperma, pendermaan rahim, dan lain-lain.

Namun begitu, saban hari timbul isu-isu baharu dalam dunia perubatan yang boleh dikategorikan sebagai *nawazil fiqhiyyah*. Ianya memerlukan *takyif fiqhi* yang tepat agar isu yang timbul dapat ditetapkan hukumnya dengan jelas. Antara isu dalam perubatan yang masih menjadi perbincangan dalam dunia Islam hari ini adalah isu pendermaan jasad si mati untuk tujuan penyelidikan.

Penggunaan jasad untuk tujuan penyelidikan di Malaysia telah lama dilakukan oleh pihak institut pengajian tinggi (IPT). Antara yang terlibat adalah Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia dan Universiti Teknologi MARA. Di Universiti Malaya selain daripada Fakulti Perubatan terdapat satu institusi yang menggunakan mayat sebagai bahan penyelidikan iaitu *Minimally Invasive Laparo-Endoscopic Surgery* (MILES), Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Kebanyakan mayat yang digunakan oleh IPT di atas adalah diperolehi daripada pemerolehan sumber mayat dari luar negara, hospital-hospital tempatan tertentu dan kebanyakannya adalah mayat yang tidak dikenal pasti (*unidentified*) serta mayat yang tidak dituntut (*unclaimed*). Selain sumber tersebut, terdapat juga jasad-jasad yang memang didermakan untuk tujuan penyelidikan, namun penderma tersebut adalah dalam kalangan orang bukan Islam, iaitu di MILES.

Berasaskan aspek pemerolehan tersebut, hanya MILES yang menguruskan pendermaan jasad si mati berbanding IPT yang lain. Ini kerana model yang diguna pakai oleh MILES dapat dikategorikan sebagai *religious cum humanity based model*, sedangkan penyelidikan di tempat lain mengamalkan *non-religious cum secular based model*. Kedua-dua model ini mempunyai *modus operandi* yang berbeza antara satu sama lain dan ia memberikan implikasi hukum yang berbeza.

Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan tentang senario pendermaan jasad si mati dan penggunaannya dalam penyelidikan perubatan dalam konteks Malaysia khususnya pihak MILES berserta jawapan hukum bagi isu berkaitan penyertaan orang Islam dalam program berkenaan.

SENARIO PENDERMAAN JASAD SI MATI DI MALAYSIA

Dalam realiti di Malaysia, penggunaan jasad si mati untuk tujuan penyelidikan merupakan suatu keperluan. Penyelidikan yang menggunakan jasad si mati diamalkan di kebanyakan fakulti perubatan di institut pengajian tinggi tempatan, khususnya dalam pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan jasad dalam pengajaran dan pembelajaran dapat dikategorikan kepada dua iaitu pengajaran dan pembelajaran di peringkat latihan klinikal (bagi tujuan meningkatkan kemahiran pembedahan atau penggunaan alatan baharu dalam pembedahan), dan juga pengajaran dan pembelajaran di peringkat pengajian anatomi asas (bagi pelajar-pelajar sarjana muda perubatan, pergigian dan seumpamanya).

Pendermaan jasad si mati bagi tujuan penyelidikan hanya berlaku di *Minimal Invasive Laparo-Endoscopic Surgery* (MILES), yang terletak di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) melalui program *Silent Mentor*. Jasad si mati yang didermakan menerusi program ini akan disimpan dengan menggunakan kaedah penyejukan pada suhu yang rendah iaitu -25°C sehingga digunakan semasa sesi bengkel. Jasad si mati boleh disimpan sebelum digunakan di MILES sehingga tempoh setahun. Program *Silent Mentor* ini bertujuan melakukan penyelidikan penyakit dan peningkatan kemahiran pakar bedah. Jasad si mati yang telah digunakan akan dikembalikan kepada ahli keluarga bagi tujuan penyempurnaan jasad. Pengurusan jasad si mati dilakukan mengikut pegangan agama si penderma.

Setakat ini, sebanyak 9 bengkel telah dijalankan. Jasad yang didermakan adalah daripada kalangan orang bukan Islam, dengan seramai 36 jasad si mati telah didermakan yang terdiri daripada kalangan penganut beragama Buddha (24 orang), Kristian (orang), Katolik (3 orang), Hindu (1 orang) dan lain-lain kepercayaan (3 orang). Maklumat lanjut, lihat jadual 1;

Jadual 1: Database program Silent Mentor

	Bil Pengikrar		Bil Penderma		Jumlah	
	L	P	L	P	L	P
Jantina						
Buddha	133	211	10	14	143	225
Kristian	10	21	2	3	12	24
Katolik	5	8	-	3	5	11
Hindu	7	6	1	-	8	6
Taoisme	3	2	-	-	3	2
Lain-lain	50	77	2	1	52	78
Jumlah kecil	208	325	15	21	223	346
JUMLAH	533		36		569	

ISU-ISU DALAM PROGRAM SILENT MENTOR

Kajian ini tidak membincangkan tentang hukum berkaitan pendermaan jasad mayat orang Islam,⁸ sebaliknya hanya mengupas isu berkaitan penglibatan orang Islam dalam program *Silent Mentor*. Hanya dua isu yang dipilih, iaitu berkaitan dengan penghormatan (berdiri) terhadap jenazah orang bukan Islam dan turut serta (*tasyabbuh*) dalam upacara keagamaan mereka.

⁵ Kaedah penyejukan di MILES adalah berbeza dengan kaedah yang diguna pakai bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran anatomi. Mayat-mayat yang tidak dituntut yang diperolehi bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran anatomi diawet menggunakan bahan kimia iaitu formalin, sementara di MILES, mayat disimpan di dalam peti sejuk khas.

⁶ Chin Kin Fah. (2013). Temu bual pada 12 Mac 2013 di Minimally Invasive Laparo-Endoscopic Surgery (MILES), Pusat Perubatan Universiti Malaya.

⁷ Silent Mentor Program (Malaysia): <http://www.silentmentor.org/160808000>. Diakses pada 9 September 2014.

⁸ <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pendermaan-jasad-si-mati-untuk-tujuan-penyelidikan>. Diakses pada 9 September 2014.

a. Menghormati jenazah orang bukan Islam

Dalam hadis Nabi SAW, terdapat beberapa tindakan Nabi ketika berhadapan dengan jenazah orang bukan Islam, antara sebab Baginda SAW berdiri adalah:

1. Kerana ia adalah satu jiwa yang diciptakan Allah SWT.

Pendapat ini menggunakan hadith ini sebagai hujah:

حدثنا عمرو بن مَرَّة ، قال : سمعتُ عبد الرحمن بن أبي ليلى قال : ((كان سهْلُ بن حُنَيْفٍ وقَيْسُ بن سَعْدِ قاعدَيْنِ بالقادِسيَةِ ، فمَرُّوا عليهما بجنَازة فقاما ، فقيل لهما : إنها من أهل الأرض - أي من أهل الذمة - فقالا : إن النبي صلى الله عليه وسلم مرَّت به بجنَازة فقام . فقيل له : إنها جنَازة يهودي ، فقال : أليست نفساً؟)) .

Telah diceritakan kepada kami oleh 'Amru bin Murrah, katanya: Aku mendengar 'Abd ar-Rahman bin Abi Laila katanya: Pada suatu hari Sahl bin Hunaif dan Qais bin Sa'd sedang duduk di al-Qadisiyyah, lalu dilintasi oleh satu jenazah dan mereka berdiri. Kemudian mereka ditanya: Bukankah ia merupakan jenazah Ahli Zimmah. Jawab mereka: Sesungguhnya Nabi SAW itu berdiri apabila dilintasi oleh jenazah. Lalu dikatakan kepadanya: Sesungguhnya ia adalah jenazah seorang Yahudi. Baginda SAW pun bersabda: Bukankah ia adalah satu jiwa?

Hadith ini diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari⁹, Muslim¹⁰, Ahmad¹¹, al-Nasa'i¹², al-Baihaqi¹³ dan al-Tabrani¹⁴.

2. Kerana merasa gerun terhadap kematian

⁹ Diriwayatkan oleh al-Bukhari di dalam *Kitab al-Janazah, Bab Man Qama li Janazah Yahudi*, no. hadith 1312. Lihat: Abi 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari, *al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadith Rasullillah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi*, ed. Muhib al-Din al-Khatib, Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi dan Qusaiy Muhib al-Din al-Khatib (Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah, edisi pertama, 1400H), j.1, 404.

¹⁰ Diriwayatkan oleh Muslim di *Kitab al-Jana'iz, Bab al-Qiyam li al-Janazah*, no. hadith 961. Lihat: al-Imam al-Hafiz Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi al-Naisaburi, *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min al-Sunan bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasullillah SAW*, ed. Abu Qutaibah Nazr Muhammad al-Fariyabi (Riyad: Dar al-Tayyibah, edisi pertama, 1427H/2006M), 426-427.

¹¹ Diriwayatkan oleh Ahmad di dalam hadith Qais bin Sa'ad bin 'Ubadah, no. hadith 23842. al-Arna'ut mengatakan bahawa *sanad* hadith ini *sahih* di atas syarat *al-Shaikhain*. Lihat: Ahmad bin Muhammad bin Hanbal, *al-Musnad*, ed. Syu'aib al-Arna'ut *et al*, (Beirut: Muassasah al-Risalah, edisi pertama, 1416H/1995H), j.39, 261.

¹² Diriwayatkan oleh al-Nasa'i di dalam *Kitab al-Jana'iz, Bab al-Qiyam li Janazah Ahl al-Shirk*, no. hadith 1920. al-Albani mengatakan bahawa hadith ini *sahih*. Lihat: Muhammad Nasir al-Din al-Albani, *Sahih Sunan al-Nasa'i* (Riyad: Maktabah al-Ma'arif, edisi pertama 1419H/1998M), j.2, 34.

¹³ Diriwayatkan oleh al-Baihaqi di dalam *Kitab al-Jana'iz, Bab al-Qiyam li al-Janazah*, no. hadith 6881. Lihat: Abi Bakr Ahmad bin al-Husain bin 'Ali al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra*, ed. Muhammad 'Abd al-Qadir dan Ibrahim Shams al-Din (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, edisi ketiga, 1424H/2003M), j.4, 42.

¹⁴ Diriwayatkan oleh al-Tabrani di dalam hadith 'Abd al-Rahman bin Abi Laila dari Sahl bin Hunaif, no. hadith 5606. Lihat: al-Hafiz Abi al-Qasim Sulaiman bin Ahmad al-Tabrani, *al-Mu'jam al-Kabir*, ed. Hamdi 'Abd al-Majid al-Silafi (Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, edisi kedua, 1404H/1983M), j.6, 90.

عن جابر بن عبد الله رضي الله عنهما قال : مرّت بنا جنازة ، فقام لها رسول الله صلى الله عليه وسلم وقمنا معه ، فقلْتُ : يا رسول الله ، إنها جنازة يهودي ، فقال : ((إن الموتَ فنزحٌ ، فإذا رأيتم الجنازة فقوموا))

Dari Jabir bin 'Abdillah ra katanya: Satu jenazah melewati kami, lalu Nabi SAW berdiri dan kami pun berdiri bersamanya. Aku bertanya: Wahai Rasulullah, sesungguhnya ia adalah jenazah seorang Yahudi. Lalu Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya kematian itu adalah satu kegerunan. Maka apabila kamu semua melihat jenazah, maka berdirilah.

Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim¹⁵, Abu Dawud¹⁶, al-Baihaqi¹⁷, Ahmad¹⁸.

3. Memuliakan Allah SWT

عن عبد الله بن عمرو بن العاص رضي الله عنهما أنه سأل رجل رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال : يا رسول الله ، تمرُّ بنا جنازة الكافر ، أفنقوم لها ؟ فقال : قوموا لها ، فإنكم لستم تقومون لها ، إنما تقومون إعظاماً للذي يقبض النفوس .

Dari 'Abdillah bin 'Amru bin al-'As ra, seorang lelaki telah bertanya kepada Rasulullah SAW: Wahai Rasulullah, satu jenazah kafir telah melewati kami, adakah kami perlu berdiri? Jawab Nabi SAW: Berdirilah, sesungguhnya kamu tidak berdiri untuknya, tetapi kamu berdiri memuliakan Pencabut nyawanya.

Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad¹⁹.

4. Menghormati Malaikat

عن أنس بن مالك رضي الله عنه : أن جنازة يهودي مرت برسول الله صلى الله عليه وسلم فقام ، فقالوا : يا رسول الله ، إنها جنازة يهودي فقال : ((إنما قمّت للملائكة)) .

Dari Anas bin Malik ra, sesungguhnya jenazah seorang Yahudi melewati Rasulullah SAW lalu beliau berdiri. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, sesungguhnya ia adalah seorang Yahudi. Lalu Nabi SAW bersabda: Sesungguhnya aku berdiri kerana (menghormati) malaikat.

Hadith ini diriwayatkan oleh al-Hakim²⁰, al-Nasa'i²¹ dan al-Bazzar²². Namun begitu, perawi hadith bagi riwayat dari al-Bazzar ini telah syak dalam lafaz hadith.

¹⁵ Diriwayatkan oleh Muslim di dalam *Kitab al-Janaiz, Bab al-Qiyam li al-Janazah*, no. hadith 960. Lihat: al-Imam Muslim bin al-Hajjaj, *al-Musnad al-Sahih*, 426.

¹⁶ Diriwayatkan oleh Abu Dawud di dalam *Kitab al-Janaiz, Bab al-Qiyam li al-Janazah*, no. hadith 3174. Lihat: Abi Dawud Sulaiman bin al-Ash'ath al-Sijistani al-Azdi, *Sunan Abi Dawud*, ed. 'Izzat 'Ubaid al-Da'as dan 'Adil al-Sayyid (Beirut: Dar Ibn al-Hazm, edisi pertama, 1418H/1997M), j.3, 338.

¹⁷ Diriwayatkan oleh al-Baihaqi di dalam *Kitab al-Janaiz, Bab al-Qiyam li al-Janazah*, no. hadith 6877. Lihat: al-Baihaqi, *al-Sunan al-Kubra*, j.4, 41.

¹⁸ Diriwayatkan oleh Ahmad di dalam hadith Jabir bin 'Abdillah, no. hadith 14427. al-Arna'ut mengatakan bahawa *sanad* hadith ini *sahih* di atas syarat *al-Shaikha'in*. Lihat: Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, j.22, 317.

¹⁹ Diriwayatkan oleh Ahmad di dalam hadith 'Abdullah bin 'Amru al-'As, no. hadith 6573. al-Arna'ut mengatakan bahawa hadith ini *sahih* tetapi *sanad* hadith ini *da'if*. Lihat: Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, j.11, 135.

²⁰ Diriwayatkan oleh al-Hakim al-Naisaburi di dalam *Kitab al-Janaiz*, no. hadith 1322. al-Hakim berkata: Hadith ini *hadith sahih* di atas syarat Muslim, tetapi mereka tidak meriwayatkan dengan lafaz ini. Lihat:

((إنما قمّت لما معها من الملائكة - أو - إنما قمّت للملائكة))

Imam Ahmad juga meriwayatkan hadith ini, tetapi melalui jalan yang lain iaitu dari Abu Musa al-Ash'ari.

عن أبي موسى الأشعري ، أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال : ((إذا مرّت بكم جنازة يهودي أو نصراني أو مسلم فقوموا لها ، فليستم لها تقومون ، إنما تقومون لمن معها من الملائكة)) .

Dari Abu Musa al-Ash'ari ra, sesungguhnya Nabi SAW bersabda: Jika satu jenazah Yahudi, Nasrani atau Muslim melewati kamu, maka berdirilah. Kamu tidak berdiri disebabkan jenazah itu, tetapi kamu berdiri kerana 'orang' yang bersama-sama dengan jenazah itu, iaitu malaikat²³.

5. Tidak suka dengan bau jenazah Yahudi tersebut

عن الحسن بن علي : أن مرّ بهم جنازة ، فقام القوم ولم يقم ، فقال الحسن : ما صنعتم ؟ إنما قام رسول الله صلى الله عليه وسلم تأذيا بريح اليهود .

Dari al-Hasan bin 'Ali: Sesungguhnya satu jenazah telah melewati lalu berdirilah sekumpulan manusia tetapi beliau tidak berdiri. al-Hasan pun berkata: Apakah yang kalian lakukan? Sesungguhnya Rasulullah SAW berdiri kerana tidak suka dengan bau jenazah Yahudi itu.

Hadith ini diriwayatkan oleh Ahmad²⁴. Hadith ini menyebutkan tentang sebab Nabi SAW berdiri, tetapi ia bukanlah disebutkan oleh Nabi SAW secara jelas. Ia adalah dari kefahaman perawi. Namun, ia disebutkan dengan jelas di dalam riwayat yang lain, iaitu dari al-Tahawi²⁵ dan al-Tabrani²⁶.

al-Hafiz Abi 'Abdillah al-Hakim al-Naisaburi, *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*, ed. Abi 'Abd al-Rahman Muqbil bin Hadi al-Wadi'i (Kaherah: Dar al-Haramain, edisi pertama, 1417H/1997M), j.1, 504.

²¹ Diriwayatkan oleh al-Nasa'i di dalam *Kitab al-Janaiz wa Tamanna al-Maut, Bab al-Rukhsah fi Tark al-Qiyam*, no. hadith 2066. Lihat: Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'aib al-Nasa'i, *al-Sunan al-Kubra*, ed. Abdullah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki, Shu'aib al-Arna'ut dan Hasan 'Abd al-Mun'im Shalabi (Beirut: Muassasah al-Risalah, edisi pertama, 1421H/2001M), j.2, 422.

²² Diriwayatkan oleh al-Bazzar, no. hadith 7264. Pentahqiq menukikan kata-kata dari al-Hakim bahawa hadith ini *sahih* di atas syarat Muslim tetapi beliau tidak meriwayatkannya. Lihat: al-Hafiz Abi Bakr Ahmad bin 'Umar dan bin 'Abd al-Khaliq al-'Itki al-Bazzar, *al-Bahr al-Zakhkhar al-Ma'ruf bi Musnad al-Bazzar*, ed. 'Adil bin Sa'd dan Badr bin 'Abdullah al-Badr (Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam, edisi pertama, 1426H/2005M), j.13, 471-472.

²³ Diriwayatkan oleh Ahmad di dalam riwayat Abi Musa al-Ash'ari, no. hadith 19491. al-Arna'ut berkata hadith ini *sahih li ghairihi* tetapi sanad ini *da'if* kerana kelemahan Laith bin Abi Sulaim, tetapi perawi yang lain adalah *thiqah* dan merupakan perawi bagi al-Shaikhain. Lihat: Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, j.32, 239.

²⁴ Diriwayatkan oleh Ahmad di dalam hadith al-Hasan bin 'Ali, no. hadith 1722. Al-Arna'ut mengatakan sanad hadith ini adalah *da'if*. Lihat: Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, j.3, 247.

²⁵ Diriwayatkan oleh al-Hafiz al-Tahawi di dalam *Musnad 'Abdullah bin Ibn al-'Abbas*, no. hadith 3221. al-Arna'ut berkata bahawa Muhammad bin 'Umar tidak pernah bertemu dengan al-Hasan mahupun Ibn al-'Abbas. Lihat: al-Hafiz Abi Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Salamah al-Azdi al-Tahawi al-Hanafi, *Musnad al-Imam al-Tahawi*, ed. Latif al-Rahman al-Bahdaji al-Qasimi (Dubai: Maktabah al-Haramain, 1426H), j.4, 67-68; Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, j.3, 248.

²⁶ Diriwayatkan oleh al-Tabrani di dalam *Ibn 'Abbas*, no. hadith 6732. 'Abd al-Quddis berkata : *Isnad* hadith ini *da'if* tetapi boleh dikuatkan dengan jalan yang lain sehingga menjadi *hadith hasan*. Lihat al-Hafiz Abi al-Qasim Sulaiman bin Ahmad al-Tabrani, *al-Mu'jam al-Awsat*, ed. Tariq bin 'Iwad Allah bin

عن ابن جريج ، قال : سمعت محمد بن عمر ، يحدث عن الحسن وابن عباس رضي الله عنهما ، أو عن أحدهما أن رسول الله صلى الله عليه وسلم مرَّ به جنازة يهودي ، فقام لها وقال : ((آذاني ريحها)) .

Dari Ibn Juraij, katanya: Aku mendengar Muhammad bin 'Umar, beliau meriwayatkan dari al-Hasan dan Ibn 'Abbas ra, atau dari salah seorang mereka, bahawa pada suatu hari, Rasulullah SAW dilewati oleh satu jenazah Yahudi, lalu baginda SAW pun berdiri dan bersabda: Aku tidak suka dengan baunya.

6. Nabi SAW berdiri kerana tidak mahu jenazah Yahudi itu lebih tinggi dari kepalanya
أخرج البيهقي والنسائي بإسناده إلى الحسن بن علي : ((أنه مرَّ بجنازة يهودي على رسول الله صلى الله عليه وسلم ، كان النبي صلى الله عليه وسلم على طريقها فقام حين طلعت ، كراهية أن تعلق على رأسه))

Diriwayatkan oleh al-Baihaqi²⁷ dan al-Nasa'i²⁸ dengan sanad yang sampai kepada al-Hasan bin 'Ali ra bahawa Nabi SAW dilintasi oleh satu jenazah Yahudi, dan Nabi SAW sedang berada di laluan yang akan dilalui oleh jenazah itu, lalu Nabi SAW pun berdiri apabila ia diangkat, kerana beliau tidak suka jenazah itu melebihi kepalanya.

Namun begitu terdapat pandangan yang mendakwa hukum berdiri kepada jenazah sudah dimansuhkan.

عن محمد بن المنكدر قال : سمعت مسعود بن الحكم يحدث عن علي قال : رأينا رسول الله صلى الله عليه وسلم قام ، فقمنا . وقعد ، فقعدنا . يعني في الجنازة .

Dari Muhammad bin al-Munkadir katanya: Aku mendengar Mas'ud bin al-Hakam meriwayatkan dari 'Ali ra katanya: Kami melihat Rasulullah SAW berdiri lalu kami pun berdiri, dan kemudian beliau duduk dan kami pun duduk. Iaitu kerana jenazah.

Hadith ini diriwayatkan oleh Muslim²⁹, Ahmad³⁰, al-Tahawi³¹, Abu Daud³² dan al-Tirmidhi³³. Hadith ini tidak menunjukkan dengan jelas arahan dari Nabi SAW, tetapi ia

Muhammad dan 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Husaini (Kaherah: Dar al-Haramain, 1416H/1995M), j.7, 20; dan al-Hafiz Nur al-Din al-Haithami, *Kitab Majma' al-Bahrain fi Zawaid al-Mu'jamain al-Mu'jam al-Awsat wa al-Mu'jam al-Saghir li al-Tabrani*, ed. 'Abd al-Quddus bin Muhammad Nazir (Riyad: Maktabah al-Rushd, edisi pertama, 1413H/1992M), j.2, 414.

²⁷ Diriwayatkan oleh al-Baihaqi di dalam *Kitab al-Janaiz, Bab al-Qiyam li al-Janazah*. Lihat: Abi Bakr Ahmad bin al-Husain al-Baihaqi, *Ma'rifat al-Sunan wa al-Athar*, ed. 'Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji (Dr.) (Mansurah: Dar al-Wafa'; Karachi: Jami'ah al-Dirasat al-Islamiyyah; Damshiq: Dar Qutaibah, edisi pertama, 1412H/1991M), j.5, 279.

²⁸ Diriwayatkan oleh al-Nasa'i di dalam *Kitab al-Janaiz, Bab al-Rukhsah fi Tark al-Qiyam*, no. hadith 1926. al-Albani mengatakan bahawa hadith ini sahih. Lihat: al-Albani, *Sahih Sunan al-Nasa'i*, j.2, 36.

²⁹ Diriwayatkan oleh Muslim di dalam *Kitab al-Janat, Bab Naskh al-Qiyam li al-Janazah*, no. hadith 962. Lihat: al-Imam Muslim, *al-Musnad al-Sahih*, 427.

³⁰ Diriwayatkan oleh Ahmad di dalam hadith 'Ali bin Abi Talib, no. hadith 623. al-Arna'ut berkata hadith ini sahih tetapi sanad ini hasan. Lihat: Ahmad bin Hanbal, *al-Musnad*, j.2, 57.

³¹ Diriwayatkan oleh al-Hafiz al-Tahawi di dalam *Musnad 'Ali*, no. hadith 5781, 5782 dan 5783. Lihat: al-Tahawi, *Musnad al-Imam al-Tahawi*, j.6, 257.

hanyalah sekadar perbuatan. Tetapi, di dalam hadith yang lain, kita boleh lihat dengan jelas suruhan Nabi SAW supaya para sahabat duduk.

عن عبادة بن الصامت قال : كان رسول الله صلى الله عليه وسلم يقوم في الجنازة حتى توضع في اللحد ، فمرَّ به حبر من اليهود فقال : هكذا نفعل ، فجلس النبي صلى الله عليه وسلم ، وقال : ((اجلسوا ، خالفوهم)) .

Dari 'Ubadah bin al-Samit katanya: Pada suatu ketika, Rasulullah SAW berdiri di sisi jenazah sehingga ia dikebumikan. Lalu seorang rabai Yahudi melewati kawasan itu dan berkata: Inilah apa yang kami lakukan. Kemudian Nabi SAW pun duduk dan bersabda: Duduklah dan berbeza dengan mereka³⁴.

HURAIAN HADITH-HADITH

Huraian para ulama mengenai hadith pertama yang berkaitan dengan sebab Nabi SAW berdiri:

Al-Qastalani mengatakan bahawa berdirinya Nabi SAW ketika dilewati oleh jenazah itu adalah kerana susah menghadapi mati itu, bukan kerana memuliakan jenazah itu³⁵.

Imam al-Suyuti pula berkata bahawa sebab atau *ta'il* ini perlu didahulukan berbanding dengan *ta'il* yang lain kerana ia disebutkan dinyatakan sendiri oleh Nabi SAW. Kemudiannya, beliau menyebutkan tentang perbezaan para ulama mengenai adakah hukum ini sudah *dinasakhkan* atau belum tanpa *mentarjihkan* salah satu darinya³⁶. Sheikh al-Karmani menukilkan pendapat Ibn Battal ketika menghuraikan hadith ini. Kata Ibn Battal, Nabi SAW berdiri kerana kesusahan menghadapi mati, seolah-olah dengan dia berdiri itu akan menjadikan dia lebih mengingati mati berbanding ketika dia sedang duduk³⁷.

³² Diriwayatkan oleh Abu Dawud di dalam *Kitab al-Janaiz, Bab al-Qiyam li al-Janazah*, no. hadith 3175. Lihat: Abi Dawud, *Sunan Abi Dawud*, j.3, 338.

³³ Diriwayatkan oleh al-Tirmidhi di dalam *Kitab al-Janaiz, Bab al-Rukhsah fi Tark al-Qiyam laha*, no. hadith 1044. al-Tirmidhi berkata: Perkara yang lebih tepat bagi Imam al-Shafi'i adalah hadith ini menaskahkan hadith yang menyuruh supaya berdiri, manakala Imam Ahmad pula mengatakan boleh memilih mengikut keinginannya. Lihat: al-Hafiz Muhammad bin 'Isa bin Saurah al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi*, ed. Muhammad Nasir al-Din al-Albani (Riyad: Maktabah al-Ma'arif, edisi pertama, 1417H), 248.

³⁴ Diriwayatkan oleh Abu Dawud di dalam *Kitab al-Janaiz, Bab al-Qiyam li al-Janazah*, no. hadith 3174; dan Ibn Majah di dalam *Kitab al-Janaiz, Bab Ma Ja' fi al-Qiyam li al-Janaz*, no. hadith 1545. Lihat: Abi Dawud, *Sunan Abi Dawud*, j.3, 339; Ibn Majah, al-Sindi dan al-Busiri, *Sunan Ibn Majah bi Sharh al-Imam Abi al-Hasan al-Hanafi al-Ma'ruf bi al-Sindi wa bi Hashiyah Ta'liqat Misbah al-Zujajah fi Zawaid Ibn Majah*, ed. Khalil Ma'mun Shikha (Beirut: Dar al-Ma'rifah, edisi pertama, 1416H/1996M), j.2, 239-240.

³⁵ al-'Allamah Shihab al-Din Ahmad ibn Muhammad al-Khatib al-Qastalani, *Irshad al-Sari ila Sharh Sahih al-Bukhari* (Kaherah: al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah, edisi ketujuh, 1323H), j.2, 419.

³⁶ al-Hafiz Abi al-Fadl Jalal al-Din 'Abd al-Rahman al-Suyuti, *al-Taushih Sharh Jami' al-Sahih*, ed. Ridwan Jami' Ridwan (Riyad: Maktabah al-Rushd, edisi pertama, 1419H/1998M), 1091.

³⁷ al-Karmani, *al-Bukhari bi Sharh al-Karmani* (Beirut: Dar Itha' al-Turath al-'Arabi, edisi kedua, 1401H/1981M), j.7, 103.

al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani³⁸ membincangkan dengan panjang mengenai isu ini. Beliau memulakan perbincangan dengan menyebutkan semua hadith-hadith yang berkaitan mengenai tindakan Nabi SAW berdiri ketika dilewati oleh jenazah Yahudi. Antaranya tiga sebab yang kita sebutkan di atas di samping kerana memuliakan Allah swt yang berkuasa mencabut nyawa itu sendiri³⁹. Sebab lain juga adalah kerana ingin menjauhkan bau Yahudi yang busuk, tetapi beliau mengkritik pendapat ini kerana ia adalah sebab yang difahami atau *ijtihad* oleh perawi hadith ini berdasarkan tindakan Nabi SAW menjauhi jenazah itu. Beliau memilih pendapat yang mengatakan hukum berdiri itu adalah *mustahab* tanpa membezakan antara jenazah, sama ada kafir atau muslim. Kemudian, beliau menyebutkan perbezaan para ulamak mengenai hukum ini. Ada yang mengatakan perbuatan berdiri itu tidak wajib atau sudah *dinasakhkan*⁴⁰, makruh⁴¹, sunat⁴² dan harus⁴³ iaitu boleh memilih antara berdiri dan duduk.

Sheikh Badr al-Din al-'Aini juga menukilkan kata-kata Ibn al-Battal⁴⁴ seperti yang telah dibuat oleh Sheikh al-Karmani. Beliau juga menjelaskan bahawa walaupun Imam al-Bukhari meletakkan bab *Man Qama li Janazah Yahudi*, seolah-olah berdiri itu hanya khusus kepada orang Yahudi, hakikatnya ia merangkumi semua agama tidak kira Nasrani atau selainnya⁴⁵. Beliau juga menyebutkan pendapat-pendapat mengenai hukum berdiri ini dengan mendalam sama seperti yang telah dihuraikan oleh al-Hafiz Ibn Hajar, tetapi beliau menambah bahawa terdapat pihak yang mengatakan hukumnya adalah wajib. Namun beliau tidak menyebutkan siapa yang mengatakan begitu malah menyebutnya dengan *sighah tad'if*⁴⁶.

Imam an-Nawawi juga telah menyebutkan pendapat ulamak mengenainya⁴⁷ tanpa membincangkan secara khusus mengenai hadith pertama ini. Menurutnya, Imam Abu Hanifah, Malik dan al-Shafi'i mengatakan hukum berdiri ini sudah dimansuhkan dengan hadith yang diriwayatkan dari 'Ali ra. Imam Ahmad, Ishaq, Ibn Habib dan Ibn al-Majishun pula mengatakan ia adalah pilihan (*mukhayyar*). al-Mutawalli pula mengatakan ia adalah *mustahab* dan beliau telah mentarjihkan pendapat ini. Seterusnya beliau tidak mengatakan hukum ini *dinasakhkan* kerana *nasakh* hanya boleh berlaku jika kita tidak mampu menggabungkan antara hadith-hadith yang bertentangan. Tetapi bagi isu ini, kita masih mampu menggabungkannya. Maka, tiada *nasakh* pada hukum ini.

³⁸ al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari*, ed. 'Abd al-Qadir Shaibah al-Hamd (Riyad: edisi pertama, 1421H/2001M, tp), j.3, 214-217.

³⁹ Jadi 'illah berdiri kerana memuliakan Allah swt adalah *ijtihad shurrah* hadith, bukan disebutkan secara zahir di dalam *matan* hadith.

⁴⁰ Iaitu pendapat dari Imam Shafi'i, kerana terdapat beberapa hadith mengenainya dan hadith yang terakhir adalah Nabi SAW mulanya berdiri dan kemudian duduk. Namun begitu, Imam al-Baidawi telah mengkritik pendapat ini dan menyatakan bahawa sebab Nabi saw duduk adalah kerana jenazah itu sudah jauh, atau kerana untuk menunjukkan bahawa hukum berdiri itu adalah sunat (*Ibid.* j.3, 216).

⁴¹ Iaitu pendapat dari Salim al-Razi dan beberapa ulama' Mazhab al-Shafi'i yang lain (*Ibid.*).

⁴² Seperti Ibn Hazm al-Zahiri, al-Nawawi al-Shafi'i, al-Mutawalli al-Shafi'i, Ibn Majishun al-Maliki dan Ibn Habib al-Maliki (*Ibid.*).

⁴³ Iaitu pendapat al-Shirazi tetapi beliau mengatakan bahawa adalah lebih aula jika duduk (*Ibid.*).

⁴⁴ al-'Allamah Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad al-'Aini, *Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*, ed. 'Abdullah Mahmud Muhammad 'Umar (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, edisi pertama, 1421H/2001M), j.8, 159-161.

⁴⁵ *Ibid.* j.8, 159.

⁴⁶ Iaitu: (قيل)

⁴⁷ Al-Nawawi, *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi* (Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar, edisi pertama, 1347H/1929M), j.7, 26-29.

Shaikh Safi al-Rahman al-Mubarakfuri juga sekadar menyebutkan perkara yang sama iaitu Nabi SAW berdiri kerana kesusahan mati itu sendiri, bukan kerana menghormati jenazah itu. Qadi 'Iyad pula menukulkan pendapat al-Tabari⁴⁸ berkaitan 'illah atau sebab Nabi SAW berdiri, iaitu kerana Nabi SAW tidak suka jenazah Yahudi itu lebih tinggi dari kepalanya. Namun beliau tidak menyebutkan sebarang hadith yang berkaitan. Namun begitu, *pentahqiq* kitab ini meletakkan satu hadith mengenainya sebagai rujukan⁴⁹. Jadi, hadith ini menjelaskan sebab lain kenapa Nabi Muhammad SAW berdiri ketika dilewati oleh jenazah Yahudi.

Sheikh Ahmad al-Banna juga menukulkan pendapat Ibn Battal. Tetapi beliau menambah bahawa sebab lain Nabi SAW berdiri adalah kerana memuliakan Allah SWT yang menciptakan kematian itu⁵⁰. Imam al-Suyuti dan Al-Sindi tidak membuat sebarang komentar mengenai hadith ini, sebaliknya mereka memberikan komentar mengenai hadith yang kedua⁵¹.

Huraian para ulama mengenai hadith kedua yang berkaitan dengan sebab Nabi SAW berdiri:

Shaikh Ahmad al-Banna berkata bahawa perbuatan berdiri ketika melihat jenazah tidak kira sama ada jenazah itu Muslim, Yahudi atau Nasrani adalah peringatan kepada keagungan dan kekuasaan Allah SWT. Ia dapat mengingatkan manusia dari kelalaian dan tertipu kepada dunia⁵².

Huraian para ulama mengenai hadith ketiga yang berkaitan dengan sebab Nabi SAW berdiri:

Seperti hadith yang pertama, Qadi 'Iyad tidak membuat sebarang komentar khusus mengenainya. Namun, beliau ada menambah sebab lain iaitu sebagai tanda takziah kepada mereka⁵³. Tetapi, apabila Baginda SAW mendengar ada orang Yahudi yang berkata: "Inilah apa yang kami lakukan", beliau terus menyuruh para sahabat supaya duduk, iaitu hadith dari 'Abdullah bin al-Samit. Badr al-Din al-'Aini ada membuat komentar mengenai hadith ini. Katanya berdirinya Nabi SAW adalah kerana kegerunan kepada kematian itu, dan jenazah itu mengingatkan kepada kematian. Jadi, ia sama sahaja bagi jenazah muslim atau kafir⁵⁴.

al-Abadi pula menukulkan pendapat al-Qurtubi yang mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan 'kematian itu menakutkan' adalah kerana memuliakan kematian itu. Kemudian beliau memberikan maksud hadith ini secara umum. Katanya, manusia itu tidak mungkin akan berterusan di dalam kelalaian selepas melihat kematian. Tambah

⁴⁸ al-Hafiz Abi Fadl 'Iyad bin Musa bin 'Iyad al-Yahsabi, *Ikmal al-Mu'lim bi Fawaid Muslim*, ed. Yahya Isma'il (Dr.) (Mansurah: Dar al-Wafa', edisi pertama, 1419H/1998M), j.3, 425.

⁴⁹ Lihat: al-Baihaqi, *Ma'rifat al-Sunan wa al-Athar*, j.5, 279.

⁵⁰ Ahmad bin 'Abd al-Rahman al-Banna al-Sa'ati, *al-Fath al-Rabbani*, ed. Hassan 'Abd al-Mannan (Riyad: Beit al-Afkar al-Dauliyyah, 1425H/2004M), 1163.

⁵¹ al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti dan al-Sindi, *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti wa Hashiyah al-Imam al-Sindi* ed. Maktabah Tahqiq al-Turath al-Islami (Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.), j.4, 347.

⁵² al-Banna al-Sa'ati, *al-Fath al-Rabbani*, 1162.

⁵³ al-Hafiz 'Iyad al-Yahsabi, *Ikmal al-Mu'lim*, j.3, 423-424.

⁵⁴ Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad bin Musa Badr al-Din al-'Aini, *Sharh Sunan Abi Daud*, ed. Abi al-Mundhir Khalid Ibrahim al-Misri (Riyad: Maktabah al-Rushd, edisi pertama, 1420H/1999M), j.6, 103.

beliau lagi, terdapat sebahagian pihak yang mengatakan penggunaan perkataan *al-faz'* itu adalah untuk menunjukkan *mubalaghah* atau hiperbola⁵⁵. Sheikh Ahmad al-Banna pula menukilkan pendapat al-Abadi dan kemudian membuat komentar. Katanya, hendaklah sesiapa yang menyaksikan peristiwa kematian ini merasa takut, bimbang dan memberikan perhatian kepadanya⁵⁶.

Huraian para ulama mengenai hadith keempat yang berkaitan dengan sebab Nabi SAW berdiri:

al-Sindi berkata bahawa perbezaan *'illah* ini dengan hadith lain bukanlah satu perselisihan kerana dibenarkan beberapa *'illah* bagi satu perkara. Jadi, perbuatan berdiri itu adalah kerana memuliakan kematian, memuliakan malaikat dan lain-lain⁵⁷.

Huraian para ulama mengenai hadith kelima yang berkaitan dengan sebab Nabi SAW berdiri:

Sheikh Ahmad al-Banna⁵⁸ mengatakan bahawa jika dilihat di dalam hadith-hadith sebelum ini, *'illah* Nabi SAW berdiri boleh difahami dengan mudah kerana disebutkan sendiri oleh Nabi SAW. Namun, ia berbeza dengan hadith ini kerana ia seolah-olah menunjukkan *'illah* kerana bau busuk adalah kefahaman atau *ijtihad* dari perawi hadith ini.

Kemudian beliau menyebutkan satu lagi *ijtihad* dari perawi hadith lain, iaitu hadith dari Yazid bin Thabit. Kata perawi itu, ia berkemungkinan kerana tempat pengebumian itu sempit dan Nabi SAW terpaksa berdiri bagi memberikan ruang⁵⁹.

Huraian para ulama mengenai hadith keenam yang berkaitan dengan sebab Nabi SAW berdiri :

al-Sindi ketika membuat komentar terhadap hadith ini mengatakan bahawa takwilan ini adalah dari pendapat atau *ijtihad* al-Hasan bin 'Ali. Tetapi, ia juga mungkin termasuk salah satu dari sebab Nabi SAW berdiri⁶⁰.

Huraian para ulama mengenai hadith ketujuh yang berkaitan dengan sebab Nabi SAW berdiri:

al-Sindi mengatakan bahawa perbuatan Nabi SAW duduk itu menunjukkan bahawa hukum berdiri itu *dinasakkan* mengikut pendapat majoriti ulama, tetapi beliau tidak

⁵⁵ al-Muhaddith al-'Allamah Abi 'Abd al-Rahman Sharaf al-Haq al-'Azim Abadi Muhammad Ashraf bin Amir bin 'Ali bin Haidar al-Siddiqi, *'Aun al-Ma'bud 'ala Sharh Sunan Abi Daud*, ed. Muhammad Nasir al-Din al-Albani dan Abu 'Abdillah al-Nu'man al-Athari (Beirut: Dar Ibn Hazm, edisi pertama, 1426H/2005M), 1437-1438.

⁵⁶ al-Banna al-Sa'ati, *al-Fath al-Rabbani*, 1163.

⁵⁷ al-Suyuti dan al-Sindi, *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Suyuti wa Hashihah al-Sindi*, j.4, 349.

⁵⁸ al-Banna al-Sa'ati, *al-Fath al-Rabbani*, 1166.

⁵⁹ *Ibid.*

⁶⁰ al-Suyuti dan al-Sindi, *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Suyuti wa Hashihah al-Sindi*, j.4, 349.

bersetuju dengan pendapat ini. Bagi beliau, tindakan Nabi SAW yang hanya duduk tidak jelas *menasakhkan* hukum asal. Tambahan pula, hadith ini adalah *da'if*⁶¹.

Kata-kata beliau ini juga diperkuatkan lagi dengan pendapat dari Sheikh 'Abd al-Rahman al-Banna. Walaupun hadith riwayat 'Ubadah ini jelas *menasakhkan* hukum asal, tetapi martabat hadith ini adalah *da'if*. Jadi, ia tidak mampu untuk *menasakhkan* hadith *sahih*. Adapun hadith riwayat 'Ali ra, walaupun ia adalah hadith *sahih*, ia masih tidak mampu *menasakhkan* hadith lain hanya dengan semata-mata tindakan Nabi SAW duduk⁶².

Sebagai kesimpulannya, kita lihat beberapa pendapat ulama mengenai permasalahan berdiri menghormati jenazah kafir atau muslim ini.

Pendapat pertama⁶³: Hukum berdiri ke atas jenazah adalah harus (*al-mustahab*), tanpa membezakan antara jenazah kafir atau muslim. Ini adalah pendapat Abu Hurairah, Ibn 'Umar, Ibn Mas'ud, Ibn al-Zubair, Abu Sa'id al-Khudri, Abu Musa al-Ash'ari, Ibrahim al-Nakh'i, al-Sha'bi, Ibn Sirin, Muhammad bin al-Hasan, Ishaq bin Rahawaih, Ahmad, Ibn Habib, Ibn al-Majishun, Ibn Hazm al-Zahiri, Imam al-Nawawi, al-Mutawalli dan Abu Ishaq al-Shirazi.

Namun, pihak yang mengharuskan berdiri ini berbeza pendapat dalam menentukan sebab kenapa Nabi SAW berdiri.

Pendapat kedua⁶⁴: Hukum berdiri ke atas jenazah ini sudah *dinasakhkan*. Ini adalah pendapat Sa'id bin al-Musayyib, 'Urwah bin al-Zubair, Imam Abu Hanifah, Malik dan al-Shafi'i, Ibn Qudamah dan sebahagian besar *salaf* dan *khalaf*.

Pendapat ketiga⁶⁵: Terdapat sebahagian golongan *salaf* yang mengatakan wajib berdiri.

Hujah yang digunakan oleh pihak pertama⁶⁶ adalah berdasarkan banyak hadith yang menceritakan tentang Nabi SAW berdiri apabila dilewati oleh jenazah, sama ada jenazah kafir atau muslim, dengan sebab-sebab yang berbeza berdasarkan penjelasan dari Nabi SAW atau dari kefahaman perawi hadith.

⁶¹ al-Suyuti, al-Sindi, al-Dihlawi, al-Busiri, al-Laknawi dan al-Nu'mani, *Shuruh Sunan Ibn Majah*, ed. Ra'id bin Sabri Ibn Abi 'Alafah (Riyad: Beit al-Afkar al-Dauliyyah, edisi pertama, 2007M), 613-614; dan Ibn Majah *et al*, *Sunan Ibn Majah bi Sharh al-Imam Abi al-Hasan al-Hanafi*, j.2, 239.

⁶² al-Banna al-Sa'ati, *al-Fath al-Rabbani*, 1167.

⁶³ Muhammad bin 'Ali al-Shawkani, *Nail al-Awtar min Asrar Muntaqa al-Akhbar*, ed. Muhammad Sabhi bin Hasan Hallaq (al-Damam: Dar Ibn al-Jauzi, edisi pertama, 1427H), j.7, 404-411; Abi Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm, *al-Muhalla*, ed. Ahmad Muhammad Shakir (Kaherah: Idarah al-Tiba'ah al-Munirah, edisi pertama, 1349H), j.5, 153-154; al-Hafiz Abi 'Umar Yusuf bin 'Abdullah Ibn Muhammad bin 'Abd al-Barr al-Namiri al-Andalusi, *al-Istidhkar*, ed. 'Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji (Damsyiq, Beirut dan Kaherah: Dar al-Qutaibah dan Dar al-Wa'y, edisi pertama, 1414H/1993M), j.8, 297-305; al-'Allamah Muhammad bin Isma'il al-San'ani, *Subul al-Salam bi Sharh Bulugh al-Maram*, ed. al-'Allamah Muhammad Nasir al-Din al-Albani (Riyad: Maktabah al-Ma'arif, edisi pertama, 1427H/2006M), j.2, 314-315; Muhammad 'Abd al-Ra'uf al-Munawi, *Faid al-Qadir Sharh al-Jami' al-Saghir* (Beirut: Dar al-Ma'arif, edisi kedua, 1391H/1972M), j.1, 359.

⁶⁴ *Ibid*.

⁶⁵ al-San'ani, *Subul al-Salam*, j.2, 315.

⁶⁶ al-Shawkani, *Nail al-Awtar*, j.7, 404-411; Ibn Hazm, *al-Muhalla*, j.5, 153-154; Ibn 'Abd al-Barr, *al-Istizkar*, j.8, 297-305; al-San'ani, *Subul al-Salam*, j.2, 314-315; al-Munawi, *Faid al-Qadir*, j.1, 359.

Kata mereka lagi, jika berlaku pertentangan antara dua hadith, maka adalah lebih *afdal* jika kita dapat menggunakan kedua-dua hadith. Jadi, dalam permasalahan ini, kita boleh menggunakan kedua-dua hadith dengan mengatakan bahawa tindakan Nabi SAW duduk adalah untuk menunjukkan keharusan berdiri, bukan sebagai *menasakhkannya*.

Hujah yang digunakan oleh pihak kedua pula adalah hadith yang diriwayatkan oleh 'Ali ra itu telah *menasakhkan* hadith-hadith yang lain. Ini kerana, hadith ini adalah tindakan terakhir Nabi SAW berbanding dengan hadith-hadith yang lain. Jadi, bila berlakunya perkara seperti ini, akan didahulukan hadith yang terkemudian.

b. Turut serta (*tasyabbuh*) dalam upacara keagamaan mereka

Bengkel *Silent Mentor* yang dijalankan turut diselitkan dengan upacara keagamaan si penderma. Peserta-peserta Muslim perlu mengelakkan diri dari turut serta atau menyerupai amalan keagamaan kaum lain atau dipanggil *tasyabbuh*. Secara literalnya, perkataan *tasyabbuh* berasal dari bahasa Arab, akar katanya *sya-ba-ha*. Ia merujuk kepada penyerupaan kepada sesuatu, persamaan warna dan sifat. Disebut juga *syibh*, *syabah*, dan *syabih*.⁶⁷ Menurut *Mu'jam al-Mujiz*, perkataan *tasyabbaha* adalah bermaksud menyerupai antara sesuatu dengan yang lain sehingga mengelirukan.⁶⁸ Menurut Ibn Manzur, suatu objek itu menyerupai atau menyamai dengan sesuatu yang lain.⁶⁹

Dari segi istilahnya, menurut al-Ghazi, *tasyabbuh* adalah ungkapan yang menunjukkan upaya manusia untuk menyerupakan dirinya dengan sesuatu yang diinginkan dirinya serupa dengannya, dalam hal tingkah laku, pakaian, atau sifat-sifatnya. Jadi *tasyabbuh* adalah ungkapan tentang tingkah laku yang diinginkan dan dilakukannya.⁷⁰

Terdapat beberapa golongan yang dilarang untuk umat Islam meniru dan menyerupainya. Ini adalah kerana terdapat ayat-ayat al-Quran, hadis-hadis Nabi Muhammad SAW yang menyuruh untuk menyelisih dan berbeza dengan orang bukan Islam. Maksud hadis sesiapa yang menyerupai sesuatu kaum, maka dia sebahagian daripada mereka adalah umum. Ia termasuklah menyerupai kaum bukan Muslim, kaum 'Ajam, syaitan dan sebagainya sama ada baik ataupun tidak baik. Namun begitu, terdapat nas-nas yang khusus, yang menggalakkan umat Islam menyelisihinya.

Nabi SAW, para Sahabat dan ulama melarang mana-mana umat Islam daripada meniru orang kafir. Rasulullah SAW bersabda:⁷¹

مَنْ تَشَبَهَ بِقَوْمٍ فَهُوَ مِنْهُمْ

"Barangsiapa yang menyerupai suatu kaum, maka dia termasuk darinya"

⁶⁷ Ahmad Faris, *Mu'jam Maqayis al-Lughah* (Beirut: Dar al-Jail, 1411), iii. 243.

⁶⁸ *Al-Mu'jam al-Mujiz* (Mesir: al-Majma' al-Lughatul 'Arabiah, 2002).

⁶⁹ Ibn Manzur, *Lisan al-Arab* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, 1999), vii. 24.

⁷⁰ Muhammad b. Muhammad al-Ghazi, *Husn al-Tanabbuh Lima Warada fi al-Tasyabbuh* (t.t.p: t.p., n.d., Manuskrip), 2.

⁷¹ Abu Dawud Sulaiman b. al-Asy'ath al-Sajistani, *Sunan Abi Dawud*, ('Amman: Bait al-Afkar al-Duwalayah, n.d.), 441.

Hadis di atas menetapkan bahawa haramnya meniru mereka dan secara zahir menunjukkan bahawa perbuatan itu merupakan perbuatan kufur. Ia juga menjelaskan sesiapa yang menyerupai atau meniru orang fasik atau orang kafir atau orang yang berbuat bid'ah dalam perkara yang dikhususkan oleh mereka atau selainnya maka dia akan menjadi sebahagian daripada mereka.⁷²

Walaupun tidak menyatakannya secara terus terang dan walaupun tidak melahirkan rasa cinta. Lebih parah lagi, apabila seseorang itu mempunyai keyakinan yang sama seperti dengan kaum kafir, maka dia telah kafir. Namun jika seseorang itu tidak beriktikad seperti mereka, maka terdapat *khilaf* dalam kalangan para 'ulama. Pendapat pertama mengatakan mereka kafir (seperti zahir hadis yang menunjukkan sebahagian daripada mereka itu), dan pendapat kedua menyatakan tidak kafir tapi perlu diberi pengajaran.⁷³

Larangan Nabi SAW tentang *al-tasyabbuh* diperkuatkan lagi dengan tegahan Allah SWT sebagaimana firmanNya:

يٰۤاَيُّهَا الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا لَا تَتَّخِذُوْا الْيَهُودَ وَالنَّصٰرَىْ اَوْلِيَاۡءَ ۗ بَعْضُهُمْ اَوْلِيَاۡءُ بَعْضٍ ۗ وَمَنْ يَتَوَلَّهُمْ مِنْكُمْ فَاِنَّهُمْ مِنْهُمْ ۗ اِنَّ اللّٰهَ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظّٰلِمِيْنَ

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai teman rapat, kerana setengah mereka menjadi teman rapat kepada setengahnya yang lain; dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka teman rapatnya, maka sesungguhnya ia adalah dari golongan mereka itu mereka itu. Sesungguhnya Allah tidak memberikan petunjuk kepada kaum ang berlaku zalim.”

(Surah al-Ma'idah 5: 51)

Nabi SAW dengan tegas memerintahkan orang Islam untuk tampil berbeza dengan penampilan orang-orang Yahudi dan Nasrani dalam semua perkara. Antaranya sabda Rasulullah SAW⁷⁴:

خالفوا المشركين، أحفوا الشوارب وأوفوا اللحى

“Berbezalah dengan orang musyrikin. Potonglah misai dan biarkanlah janggut”

Rasulullah SAW secara mutlak memerintahkan untuk berbeza dengan orang-orang musyrik, kemudian menambah, “potonglah misai dan biarkan janggut.” Kalimah ini menjadi pengganti dari kalimah pertama iaitu “berbezalah dengan orang-orang musyrik”, dan penggantian itu boleh dilakukan dalam bentuk kalimah, dan boleh juga dalam bentuk kata.

⁷² 'Abd Allah al-Sa'di al-Ghamidi, *Tahzir al-Muslimin min al-Tasyabbuh bil Maghdub bi 'alaihim wa la al-Dallin*. (al-Kitabiyat al-Islamiyyah, n.d.), 24.

⁷³ Muhammad Ismail, *Subul al-Salam syarh Bulugh al-Maram* (Lubnan: Beirut, 2002), iv. 321.

⁷⁴ Muslim b. al-Hajjaj al-Qusyairi, *Sahih Muslim* (Beirut: Dar Ihya al-Kitab al-'Arabiyyah, n.d.).

Justeru itu, berdasarkan hujah tersebut, orang Islam dilarang untuk menyertai upacara keagamaan penderma jasad tersebut untuk mengelakkan unsur penyerupaan (*tasyabbuh*) yang dilarang.

KESIMPULAN

Program *Silent Mentor* mendatangkan manfaat yang besar kepada penyelidikan dunia perubatan. Namun begitu, peserta program yang beragama Islam perlu berhati-hati. Penghormatan terhadap mayat yang didermakan secara berlebihan wajar dielakkan dan upacara keagamaan si mati turut perlu dihindari. Ini bagi mengelak larangan yang ditetapkan oleh syariat Islam.

BIBLIOGRAFI

- Abadi, al-Muhaddith al-'Allamah Abi 'Abd al-Rahman Sharaf al-Haq al-'Azim Abadi Muhammad Ashraf bin Amir bin 'Ali bin Haidar al-Siddiqi. *'Aun al-Ma'bud 'ala Sharh Sunan Abi Daud*, ed. Muhammad Nasir al-Din al-Albani dan Abu 'Abdillah al-Nu'man al-Athari. Beirut: Dar Ibn Hazm, edisi pertama, 1426H/2005M.
- Abi Dawud Sulaiman bin al-Ash'ath al-Sijistani al-Azdi. *Sunan Abi Daud*, ed. 'Izzat 'Ubaid al-Da'as dan 'Adil al-Sayyid. Beirut: Dar Ibn al-Hazm, edisi pertama, 1418H/1997M.
- Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. *al-Musnad*, ed. Ahmad Muhammad Shakir dan Hamzah Ahmad Zain. Kaherah: Dar al-Hadith, edisi pertama, 1416H/1995M.
- _____. *al-Musnad*, ed. Syu'aib al-Arna'ut *et al.* Beirut: Muassasah al-Risalah, edisi pertama, 1416H/1995H.
- al-'Aini, Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad bin Musa Badr al-Din al-'Aini. *Sharh Sunan Abi Daud*, ed. Abi al-Munzir Khalid Ibrahim al-Misri. Riyad: Maktabah al-Rushd, edisi pertama, 1420H/1999M.
- _____. *Umdah al-Qari Sharh Sahih al-Bukhari*, ed. 'Abdullah Mahmud Muhammad 'Umar. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, edisi pertama, 1421H/2001M.
- al-Baihaqi, Abi Bakr Ahmad bin al-Husain al-Baihaqi. *Ma'rifat al-Sunan wa al-Athar*, ed. 'Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji (Dr.). Mansurah: Dar al-Wafa'; Karachi: Jami'ah al-Dirasat al-Islamiyyah; Damshiq: Dar Qutaibah, edisi pertama, 1412H/1991M.
- _____. *al-Sunan al-Kubra*, ed. Muhammad 'Abd al-Qadir dan Ibrahim Shams al-Din. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, edisi ketiga, 1424H/2003M.
- al-Bazzar, al-Hafiz Abi Bakr Ahmad bin 'Umar dan bin 'Abd al-Khaliq al-'Itki al-Bazzar. *al-Bahr al-Zakhkhar al-Ma'ruf bi Musnad al-Bazzar*, ed. 'Adil bin Sa'd dan Badr bin 'Abdullah al-Badr. Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam, edisi pertama, 1426H/2005M.
- al-Bukhari, Abi 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari. *al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadith Rasulillah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi*, ed. Muhib al-Din al-Khatib, Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi dan Qusaiy Muhib al-Din al-Khatib. Kaherah: al-Matba'ah al-Salafiyyah, edisi pertama, 1400H.
- al-Haithami, al-Hafiz Nur al-Din al-Haithami. *Kitab Majma' al-Bahrain fi Zawaid al-Mu'jamain al-Mu'jam al-Awsat wa al-Mu'jam al-Saghir li al-Tabrani*, ed. 'Abd al-Quddus bin Muhammad Nazir. Riyad: Maktabah al-Rushd, edisi pertama, 1413H/1992M.
- al-Hakim, al-Hafiz Abi 'Abdillah al-Hakim al-Naisaburi. *al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*, ed. Abi 'Abd al-Rahman Muqbil bin Hadi al-Wadi'i. Kaherah: Dar al-Haramain, edisi pertama, 1417H/1997M.
- al-Karmani. *al-Bukhari bi Sharh al-Karmani*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, edisi kedua, 1401H/1981M.
- al-Nasa'i, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Shu'aib al-Nasa'i. *al-Sunan al-Kubra*, ed. Abdullah bin 'Abd al-Muhsin al-Turki, Shu'aib al-Arna'ut dan Hasan 'Abd al-Mun'im Shalabi. Beirut: Muassasah al-Risalah, edisi pertama, 1421H/2001M.

- al-Nawawi. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyyah bi al-Azhar, edisi pertama, 1347H/1929M.
- al-Qastalani, al-'Allamah Shihab al-Din Ahmad ibn Muhammad al-Khatib al-Qastalani. *Irshad al-Sari ila Sharh Sahih al-Bukhari*. Kaherah: al-Matba'ah al-Kubra al-Amiriyyah, edisi ketujuh, 1323H.
- al-Sa'ati, Ahmad bin 'Abd al-Rahman al-Banna al-Sa'ati. *al-Fath al-Rabbani*, ed. Hassan 'Abd al-Mannan. Riyad: Beit al-Afkar al-Dauliyyah, 1425H/2004M.
- al-San'ani, al-'Allamah Muhammad bin Isma'il al-San'ani. *Subul al-Salam bi Sharh Bulugh al-Maram*, ed. al-'Allamah Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Riyad: Maktabah al-Ma'arif, edisi pertama, 1427H/2006M.
- al-Suyuti, al-Hafiz Abi al-Fadl Jalal al-Din 'Abd al-Rahman al-Suyuti. *al-Taushih Sharh Jami' al-Sahih*, ed. Ridwan Jami' Ridwan. Riyad: Maktabah al-Rushd, edisi pertama, 1419H/1998M.
- al-Suyuti, al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti dan al-Sindi. *Sunan al-Nasa'i bi Sharh al-Hafiz Jalal al-Din al-Suyuti wa Hashiyah al-Imam al-Sindi* ed. Maktabah Tahqiq al-Turath al-Islami. Beirut: Dar al-Ma'rifah, t.t.
- al-Suyuti, al-Sindi, al-Dihlawi, al-Busiri, al-Laknawi dan al-Nu'mani. *Shuruh Sunan Ibn Majah*, ed. Raid bin Sabri Ibn Abi 'Alafah. Riyad: Beit al-Afkar al-Dauliyyah, edisi pertama, 2007M.
- al-Tabrani, al-Hafiz Abi al-Qasim Sulaiman bin Ahmad al-Tabrani. *al-Mu'jam al-Awsat*, ed. Tariq bin 'Iwad Allah bin Muhammad dan 'Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Husaini. Kaherah: Dar al-Haramain, 1416H/1995M.
- _____. *al-Mu'jam al-Kabir*, ed. Hamdi 'Abd al-Majid al-Silafi. Kaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah, edisi kedua, 1404H/1983M.
- al-Tahawi, al-Hafiz Abi Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Salamah al-Azdi al-Tahawi al-Hanafi. *Musnad al-Imam al-Tahawi*, ed. Latif al-Rahman al-Bahdaji al-Qasimi. Dubai: Maktabah al-Haramain, 1426H.
- al-Tirmidhi, al-Hafiz Muhammad bin 'Isa bin Saurah al-Tirmidhi. *Sunan al-Tirmidhi*, ed. Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Riyad: Maktabah al-Ma'arif, edisi pertama, 1417H.
- Ibn 'Abd al-Barr, al-Hafiz Abi 'Umar Yusuf bin 'Abdullah Ibn Muhammad bin 'Abd al-Barr al-Namiri al-Andalusi. *al-Istidhkar*, ed. 'Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji. Damsiyq, Beirut dan Kaherah: Dar al-Qutaibah dan Dar al-Wa'y, edisi pertama, 1414H/1993M.
- Ibn Hajar, al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani. *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Imam Abi 'Abdillah Muhammad bin Isma'il al-Bukhari*, ed. 'Abd al-Qadir Shaibah al-Hamd. Riyad: edisi pertama, 1421H/2001M, tp.
- Ibn Hazm, Abi Muhammad 'Ali bin Ahmad bin Sa'id bin Hazm. *al-Muhalla*, ed. Ahmad Muhammad Shakir. Kaherah: Idarah al-Tiba'ah al-Mumirah, edisi pertama, 1349H.
- Ibn Majah, al-Sindi dan al-Busiri. *Sunan Ibn Majah bi Syarh al-Imam Abi al-Hasan al-Hanafi al-Ma'ruf bi al-Sindi wa bi Hashiyah Ta'liqat Misbah al-Zujajah fi Zawaid Ibn Majah*, ed. Khalil Ma'mun Shikha. Beirut: Dar al-Ma'rifah, edisi pertama, 1416H/1996M.
- Muhammad 'Abd al-Ra'uf al-Mumawi. *Faid al-Qadir Sharh al-Jami' al-Saghir*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, edisi kedua, 1391H/1972M.
- Muhammad bin 'Ali al-Shawkani. *Nail al-Awtar min Asrar Muntaqa al-Akhbar*, ed. Muhammad Sabhi bin Hasan Hallaq. al-Damam: Dar Ibn al-Jauzi, edisi pertama, 1427H.
- Muhammad Nasir al-Din al-Albani. *Sahih Sunan al-Nasa'i*. Riyad: Maktabah al-Ma'arif, edisi pertama 1419H/1998M.
- Muslim al-Naisaburi, al-Imam al-Hafiz Abi al-Husain Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi al-Naisaburi. *al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min al-Sunan bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ila Rasulillah SAW*, ed. Abu Qutaibah Nazr Muhammad al-Fariyabi. Riyad: Dar al-Tayyibah, edisi pertama, 1427H/2006M.
- Qadi 'Iyad, al-Hafiz Abi Fadl 'Iyad bin Musa bin 'Iyad al-Yahsabi. *Ikmal al-Mu'lim bi Fawaid Muslim*, ed. Yahya Isma'il (Dr.). Mansurah: Dar al-Wafa, edisi pertama, 1419H/1998M.

